

**KONSEP NIAT BERTERASKAN ISLAM DALAM
TINGKAH LAKU KEPATUHAN ZAKAT
PENDAPATAN**

KHAIRUL BARIYAH BINTI OTHMAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2018

**KONSEP NIAT BERTERASKAN ISLAM DALAM
TINGKAH LAKU KEPATUHAN ZAKAT
PENDAPATAN**

oleh

KHAIRUL BARIYAH BINTI OTHMAN

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah

Ogos 2018

PENGHARGAAN

Bismillāh al-Raḥmān al-Rāḥīm

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, kaum keluarga Baginda, para sahabat Baginda dan seluruh umat Islam yang memperjuangkan syariat Islam. Syukur ke hadrat Allah SWT yang telah memberi taufik dan hidayah-Nya serta nikmat masa dan tenaga kepada penyelidik untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan sehinggalah penulisan tesis ini selesai dengan jayanya. Semoga Allah SWT melihat usaha penyelidikan ini sebagai ibadah dan segala ilmu yang terkandung dalam tesis ini bakal memberi manfaat kepada masyarakat. Dengan izin dan limpah kurnia-Nya, penyelidik ingin merakamkan penghargaan buat insan-insan yang berada di sebalik penghasilan tesis ini.

Sehubungan itu, penyelidik ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan penghargaan atas bantuan yang telah diberikan secara langsung mahupun tidak langsung terhadap lima pihak berikut. Pertama, kepada Dr. Fadzila Azni Ahmad selaku penyelia utama dan Dr. Zahri Hamat selaku penyelia bersama. Kedua-dua insan hebat ini bukan sahaja memberi tunjuk ajar dan bimbingan berkaitan pengajian dan tesis sahaja. Malah, nasihat dan dorongan mereka sentiasa memandu rohani dan jasmani saya untuk menjadi insan yang berakhlak dan meletakkan matlamat pengajian bukan sekadar mengejar PhD, tetapi untuk mencari keredaan Allah SWT. Ternyata tiada daya bagi saya membalas jasa baik, usaha dan budi mereka melainkan hanya Allah SWT sahajalah yang mampu memberikan ganjarannya. Sesungguhnya Allah SWT jualah sebaik-baik pemberi ganjaran.

Kedua, kepada semua pensyarah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) iaitu Prof. Dr. Muhammad Syukri Salleh, Prof. Madya Dr. Zakaria Bahari, Dr. Mohd Shukri Hanapi, Dr. Mohd Syakir Mohd Rosdi, Dr. Shahir Akram Hassan, Dr. Wan Norhaniza Wan Hassan, Dr. Azrin Ibrahim, Dr. Azreen Hamiza Aziz dan Dr. Murni Yusoff yang menjadi tempat rujukan penyelidikan. Kemesraan, keprihatinan dan cadangan-cadangan bernas yang diberikan sangat memberi manfaat untuk percambahan idea dalam kajian ini.

Ketiga, sekalung penghargaan juga dirakamkan kepada semua staf sokongan di ISDEV, Universiti Sains Malaysia (USM) yang banyak membantu dan mempermudah urusan sepanjang pengajian saya. Semoga Allah SWT menganugerahkan mereka kesihatan yang baik dan semangat yang jitu dalam kerjaya bagi memartabatkan syiar Islam. Buat semua sahabat yang sama-sama berjuang dalam medan mencari ilmu ini yang tidak jemu membantu, memudahkan urusan dan mendoakan kejayaan ini, terima kasih yang tidak terhingga semoga ukhuwah kita terus berkekalan.

Keempat, kepada para pensyarah dan pakar-pakar dalam bidang berkaitan tesis ini yang banyak membantu dari sudut percambahan idea, maklumat, maklum balas dan perkongsian bahan-bahan rujukan mengenai subjek *fiqh* zakat, gelagat, kepatuhan dalam berzakat serta tasawur Islam. Mereka ialah YBhg. Sahibus Samahah YBhg Dato' Dr. Haji Wan Salim B. Wan Mohd Noor (Mufti Pulau Pinang), YBhg. Sahibus Samahah YBhg Dr. Zulkifli Al-Bakri (Mufti Wilayah Persekutuan), Prof. Madya Dr. Ahmad Azrin Adnan (Universiti Sultan Zainal Abidin [UNIZA]), Prof. Madya Dr. Ram Al-Jaffri Saad (Universiti Utara Malaysia [UUM]), Prof. Madya Dr Abu Bakar

Hamed (Universiti Utara Malaysia [UUM]), Prof. Madya Dr. Jasni Sulong (Universiti Sains Malaysia [USM]), Dr. Razali Othman (Universiti Kebangsaan Malaysia [UKM]), Yg Mulia Dr. Dayang Hajah Rose Abdullah (Universiti Islam Sultan Sharif Ali [UNISSA]), Dr. Lokman Abdullah (Universiti Malaya [UM]), Dr. Muhammad Noor Habibi Long (Universiti Utara Malaysia [UKM]), Dr. Hapiz Mahaiyadin (Universiti Teknologi Mara [UiTM]), Dr. Raziah Md. Tahir (Universiti Utara Malaysia [UUM]), En. Mohamad Fuad Md Isa (Pusat Urus Zakat Pulau Pinang dan Al- Fazil Ustaz Jafri Abu Bakar Mahmoodi (Pengasas Kompleks Islam Darul Faizin (KIDAF). Input dan maklum balas daripada mereka sangat bermakna bagi mengukuhkan penghujahan tesis ini. Terima kasih juga saya sampaikan kepada pihak Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam memberi ruang, peluang dan pembiayaan biasiswa kepada saya untuk melanjutkan pengajian di peringkat PhD ini.

Kelima, penghargaan yang teristimewa kepada ayahanda dan bonda yang dicintai, Haji Othman Ibrahim dan Hajah Fatimah Puteh atas doa restu yang tidak putus-putus. Buat suami yang tercinta Mohd Hairis Ahmad Fazil, terima kasih yang tidak terhingga kerana menjadi tunjang utama dalam perjalanan mencari ilmu Allah SWT ini. Tidak ternilai segala pengorbanan, dorongan, berkongsi suka duka dan doa yang tidak putus-putus sepanjang perjalanan menyempurnakan tesis ini. Buat anak-anak yang menjadi penyejuk mata penenang di hati, Khairunnisa Adani dan Muhammad Aniq Asman, jutaan terima kasih kerana sentiasa menjadi penghibur dan pengubat di hati. Semoga Allah SWT membalas jasa baik kalian semua dengan sebaik-baik balasan dan merahmati seluruh ahli keluarga saya dengan rahmat dan kasih sayang-

Nya. Semoga segala usaha dalam menggali ilmu Allah SWT ini memberi manfaat kepada pembangunan ummah dan mendapat keredaan Allah SWT.

Khairul Bariyah Othman

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI GAMBAR	xiii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiv
ABSTRAK	xv
ABSTRACT	xvii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.2.1	Sejarah Zakat Pendapatan	6
1.2.2	Perkembangan Semasa Zakat Pendapatan	9
1.2.3	Perkembangan Konsep Niat Dalam Tingkah Laku	15
1.3	Pernyataan Masalah	20
1.4	Objektif Kajian	26
1.5	Persoalan Kajian	26
1.6	Definisi Operasional	28
1.6.1	Konsep	28
1.6.2	Niat	30
1.6.3	Zakat Pendapatan	33
1.6.4	Tingkah Laku Kepatuhan	34
1.7	Skop dan Batasan Kajian	36
1.8	Kepentingan Kajian	37
1.9	Sumbangan Kajian	38
1.10	Organisasi Tesis	39

BAB 2 KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA

2.1	Pendahuluan	41
2.2	Kajian Lepas	43

2.2.1	Kajian Tentang Zakat	43
2.2.2	Kajian Tentang Zakat Pendapatan	46
	2.2.2(a) Kajian Tentang Hukum Zakat Pendapatan	47
	2.2.2(b) Kajian Tentang Taksiran Zakat Pendapatan	58
	2.2.2(c) Kajian Tentang Pelaksanaan Zakat Pendapatan	63
2.2.3	Kajian Tentang Perbandingan Sistem Zakat dan Sistem Cukai Pendapatan	67
2.2.4	Kajian Tentang Kepatuhan Zakat Pendapatan	70
2.2.5	Kajian Tentang Niat Dalam Tingkah Laku	75
2.3	Analisis Kajian Lepas	77
2.4	Sorotan Karya	78
	2.4.1 Kepatuhan Zakat Pendapatan	80
	2.4.2 Kedudukan Kerangka Teoretis Niat Dalam Tingkah Laku Lazim	85
	2.4.3 Asas Konsep Niat Berteraskan Islam dalam Tingkah Laku Berdasarkan Tasawur Islam dan Pandangan Ilmuwan Islam	91
	2.4.3(a) Tasawur Islam	96
	2.4.3(b) Pandangan Ilmuwan Islam	98
	2.4.4 Penentu Niat Berteraskan Islam dalam Tingkah Laku	99
	2.4.4(a) Akidah	100
	2.4.4(b) Akhlak	104
	2.4.4(c) Ilmu	107
	2.4.4(d) Kualiti Perkhidmatan	109
	2.4.4(e) Motivasi Diri	112
2.5	Analisis Sorotan Karya	114
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	115
2.7	Kesimpulan	118
 BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN		
3.1	Pendahuluan	119
3.2	Reka bentuk Kajian	119
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	123
	3.3.1 Pengumpulan Data Primer	124
	3.3.1(a) Kaedah Pensampelan Data	125

3.3.1(b)	Pemilihan Informan	126
3.3.1(c)	Instrumen Kajian	129
3.3.1(d)	Kajian Rintis	131
3.3.2	Kebolehpercayaan Dan Kesahan Data	133
3.3.2(a)	Triangulasi Data	134
3.3.2(b)	Nota Lapangan (<i>Field Note</i>)	135
3.3.2(c)	Pengesahan Informan	135
3.3.2(d)	Maklum Balas Rakan Sebaya	136
3.3.4	Pengumpulan Data Sekunder	136
3.4	Kaedah Penganalisan Data	140
3.4.1	Justifikasi Pemilihan Kaedah Analisis Kandungan Kualitatif	141
3.4.2	Perisian ATLAS.ti Versi 7.5	142
3.5	Tatacara Kajian	148
3.6	Kesimpulan	150

**BAB 4 ANALISIS TERHADAP ASAS NIAT DALAM KONSEP NIAT
BERTERASKAN ISLAM DALAM TINGKAH LAKU KEPATUHAN
ZAKAT PENDAPATAN**

4.1	Pendahuluan	151
4.2	Kategori Informan	152
4.3	Ayat-ayat al-Qur'an Berkaitan Niat	153
4.3.1	Kategori Ayat Al-Qur'an Berkaitan Niat	158
4.4	Hadith Rasulullah SAW Berkaitan Niat	159
4.5	Maksud Niat Berteraskan Islam Dalam Tingkah Laku	161
4.5.1	Rumusan Perbincangan Makna Niat Berteraskan Islam Dalam Tingkah Laku	175
4.6	Asas-asas Niat Berteraskan Islam Dalam Tingkah Laku	177
4.6.1	Dimensi Kehambaan (<i>Ḥabl min Allāh</i>)	179
4.6.1(a)	Tauhid	181
4.6.1(b)	Tazkiyat al-Nafs	186
4.6.2	Dimensi Kekhalifahan (<i>Ḥabl min al-nās</i>)	190
4.7	Kesimpulan	194

**BAB 5 ANALISIS TERHADAP PENENTU NIAT DALAM KONSEP NIAT
BERTERASKAN ISLAM DALAM TINGKAH LAKU KEPATUHAN
ZAKAT PENDAPATAN**

5.1	Pendahuluan	196
5.2	Maklum Balas Pakar Terhadap Penentu-penentu Niat Berteraskan Islam Dalam Tingkah Laku Kepatuhan Zakat Pendapatan	197
5.2.1	Maklum Balas Pakar Terhadap Penentu Ilmu	199
5.2.2	Maklum Balas Pakar Terhadap Penentu Akidah	207
5.2.3	Maklum Balas Pakar Terhadap Penentu Akhlak	214
5.2.4	Maklum Balas Pakar Terhadap Penentu Motivasi Diri	222
5.3	Rumusan Konsep Niat Berteraskan Islam Dalam Tingkah Laku Kepatuhan Zakat Pendapatan	240
5.3.1	Proses Awal Pembentukan Niat Berteraskan Islam	240
	5.3.1(a) Dimensi Kehambaan (<i>Ḥabl min Allāh</i>)	241
	5.3.1(b) Dimensi Kekhalifahan (<i>Ḥabl min al-nās</i>)	245
5.3.2	Proses Pembentukan Tingkah Laku Kepatuhan Zakat Pendapatan	248
5.4	Kesimpulan	253

BAB 6 PENUTUP

6.1	Pendahuluan	254
6.2	Dapatan Dan Rumusan Kajian	255
6.3	Implikasi Kajian Dan Cadangan Dasar	263
6.3.1	Implikasi Terhadap Pemahaman Konsep Niat Berteraskan Islam Dalam Tingkah Laku Kepatuhan Zakat Pendapatan	263
6.3.2	Implikasi Kepatuhan Zakat Pendapatan Di Peringkat Masyarakat dan Pelaksanaan Kurikulum Pelajaran di Semua Peringkat Pengajian	264
6.3.3	Cadangan Pengamalan dan Pengaplikasian Konsep Niat Berteraskan Islam Dalam Tingkah Laku Kepatuhan Zakat Pendapatan	266
6.4	Cadangan Kajian Masa Hadapan	266
6.4.1	Subjek Kajian	266

6.4.2	Skop Analisis Kajian	267
6.5	Kesimpulan	268
	BIBLIOGRAFI	269

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Autoriti Pentadbiran Zakat Bagi Negara-negara Islam Membangun	10
Jadual 1.2	Prestasi Kutipan dan Bilangan Pembayar Zakat Pendapatan Malaysia 2014-2015	14
Jadual 1.3	Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian	27
Jadual 2.1	Kategori Sumber yang diSepakati	57
Jadual 2.2	Status Pengkorporatan Institusi Zakat di Malaysia	65
Jadual 2.3	Jenis-Jenis Tolakan Dibenarkan dalam Taksiran Zakat Pendapatan di Malaysia	67
Jadual 2.4	Perbandingan Sistem Zakat dan Sistem Cukai di Malaysia	69
Jadual 2.5	Kajian Lepas Tentang Niat	76
Jadual 3.1	Senarai Ahli Kumpulan Pakar (Mufti)	126
Jadual 3.2	Senarai Kumpulan Pakar (Ahli Akademik)	127
Jadual 3.3	Senarai Kumpulan Pakar (Pengamal dan Tokoh Agama)	129
Jadual 3.4	Proses dan Protokol Sesi Temu Bual Mendalam	129-130
Jadual 3.5	Senarai Responden Kajian Rintis	131
Jadual 3.6	Ringkasan Kaedah Analisis Data Mengikut Objektif dan Persoalan Kajian	147
Jadual 4.1	Ayat-Ayat al-Qur'an Berkaitan Niat dalam al-Qur'an	154-155
Jadual 4.2	Tafsir Ayat-Ayat al-Qur'an Berdasarkan Kitab Terpilih	156-158
Jadual 4.3	Hadith Rasulullah SAW Berkaitan Niat	160-163
Jadual 4.4	Maksud-Maksud Niat Berteraskan Islam dalam Tingkah Laku Mengikut Peraturan	164
Jadual 5.1	Penentu Niat dan Kekerapan	198
Jadual 5.2	Ciri-Ciri Tingkat Keyakinan Berteraskan Islam	228-229

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1	Perkembangan Kajian Tentang Zakat Mengikut Tahun, 2003-2013	45
Rajah 2.2	Perkembangan Kajian Tentang Zakat Mengikut Tema dari Tahun, 2003-2013	45
Rajah 2.3	Teori Kaedah Taksiran Zakat Pendapatan Bulanan Menurut Yusuf al-Qaradawi	60
Rajah 2.4	Teori Kaitan antara Sebab Wajib Zakat dan Syarat-Syarat Wajib Zakat bagi Harta Bersifat Pendapatan atau Perolehan (Tanpa Syarat <i>Hawl</i>)	61
Rajah 2.5	Teori Kaitan antara Sebab Wajib Zakat bagi Harta Bersifat Modal	62
Rajah 2.6	Carta Organisasi Institusi Zakat di Malaysia	66
Rajah 2.7	Kerangka Niat Gelagat Kepatuhan Zakat Gaji Berasaskan Teori Gelagat Terancang	87
Rajah 2.8	Kedudukan Iman dalam Tingkah Laku Manusia	102
Rajah 2.9	Kerangka Konseptual Kajian	116
Rajah 3.1	Proses dan Tatacara Rekabentuk Kajian Penerokaan	121
Rajah 3.2	Tatacara Pelaksanaan Kajian	149
Rajah 4.1	Lima Kategori Ayat al-Qur'an Berkaitan Niat	159
Rajah 4.2	Maksud Niat Berteraskan Islam dalam Tingkah Laku	164
Rajah 4.3	Hierarki Niat	173
Rajah 4.4	Pengkategorian Niat Berteraskan Islam dalam Tingkah Laku	176
Rajah 4.5	Asas-Asas Niat Berteraskan Islam dalam Tingkah Laku	178
Rajah 4.6	Kategori Asas-Asas Niat Berteraskan Islam dalam Tingkah Laku	179
Rajah 5.1	Dapatan Maklum Balas Informan Mengenai Penentu Niat Berteraskan Islam dalam Tingkah Laku Kepatuhan Zakat Pendapatan	198

Rajah 5.2	Dapatan Maklum Balas Informan Berkaitan Penentu Ilmu	199
Rajah 5.3	Penentu Niat Berdasarkan Sumber Ilmu	207
Rajah 5.4	Penentu Akidah dalam Pembentukan Niat Berteraskan Islam	214
Rajah 5.5	Penentu Niat Berteraskan Islam	215
Rajah 5.6	Proses Pembentukan Niat Berteraskan Islam dalam Kualiti Perkhidmatan	239
Rajah 5.7	Hubungan antara Dimensi Kehambaan (<i>Habl min Allāh</i>) dengan Niat	243
Rajah 5.8	Konsep Niat Berteraskan Islam dalam Tingkah Laku Kepatuhan Zakat Pendapatan	251

SENARAI GAMBAR

		Halaman
Gambar 3.1	Contoh Muka Depan ATLAS. Ti Versi 7.5	143
Gambar 3.2	Proses Memasukkan Fail Temu Bual Informan	143
Gambar 3.3	Teks Temu Bual Dimasukkan ke Dalam PAV 7.5	144
Gambar 3.4	Proses Penentuan “Kod” Mengikut Pengamatan Petikan Teks Temu Bual Berdasarkan Elemen “Families”	145
Gambar 3.5	Menentukan “Kod” dan Families” Pilihan	145
Gambar 3.6	Dapatan “Networking” Berkaitan Analisis Kajian	146
Gambar 5.1	Menentukan “Kod-kod” dan “Families” Berkaitan Penentu Niat Berteraskan Islam Dalam Tingkah Laku Kepatuhan Zakat Pendapatan	199

PANDUAN TRANSLITERASI

HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB
t	ط	-	ا
z	ظ	b	ب
‘	ع	t	ت
gh	غ	th	ث
f	ف	j	ج
q	ق	h	ح
k	ك	kh	خ
l	ل	d	د
m	م	dh	ذ
n	ن	r	ر
w	و	z	ز
h	هـ	s	س
,	ء	sy	ش
y	ي	s	ص
ṭ	ة	d	ض

PENDEK		PANJANG		DIFTONG	
a	َ	a	آ	ay	أَيَّ
i	ِ	i	إِي	aw	أَوَّ
u	ُ	u	أُو		

Sumber: *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1992)

KONSEP NIAT BERTERASKAN ISLAM DALAM TINGKAH LAKU KEPATUHAN ZAKAT PENDAPATAN

ABSTRAK

Zakat pendapatan merupakan satu ibadah yang mempunyai keistimewaan dan keunikan dalam pelaksanaannya. Ia bukan sahaja ibadah yang mempunyai nilai hubungan ketuhanan, malah merangkumi nilai kemanusiaan melalui aspek muamalatnya. Oleh sebab ibadah zakat pendapatan ini merangkumi bidang ibadah dan muamalah, fatwa mewajibkan ibadah ini diakui telah mewujudkan peningkatan dalam jumlah kutipan dana zakat negara. Namun di sebalik peningkatan ini, setidaknya wujud tiga permasalahan utama yang sering dibincangkan dalam kalangan sarjana-sarjana terdahulu hingga ke hari ini. Pertama ialah tentang aras kepatuhan yang masih rendah dalam kalangan *muzzaki* di Malaysia. Kedua ialah kefahaman terhadap kewajipan zakat pendapatan yang masih rendah. Ketiga iaitu kedudukan niat dalam urusan ibadah zakat pendapatan yang memberi kelangsungan kepada tingkah laku kepatuhan. Berdasarkan realiti ini, pelbagai kajian telah dijalankan bagi merungkaikan permasalahan yang timbul. Namun kajian-kajian terdahulu banyak didominasi oleh konsep-konsep niat dalam kepatuhan tingkah laku yang dibina berteraskan falsafah lazim yang dibangunkan oleh sarjana Barat. Timbul persoalan, setakat manakah komprehensifnya konsep niat yang diperkenalkan oleh teori-teori lazim ini sesuai untuk diguna pakai dalam kajian kepatuhan ibadah seperti zakat pendapatan dalam kalangan umat Islam? Adakah ia selari dengan tasawur Islam? Sekiranya tidak, bagaimana konsep niat yang sesuai untuk digunakan dalam merungkaikan isu niat ini. Justeru, kajian ini dilakukan adalah untuk mencapai tiga objektif yang telah ditetapkan. Pertama, mengenal pasti konsep niat berteraskan

Islam dalam tingkah laku. Kedua, menganalisis konsep niat berteraskan Islam dalam tingkah laku kepatuhan zakat pendapatan. Ketiga, merumuskan konsep niat berteraskan Islam dalam tingkah laku kepatuhan zakat pendapatan. Bagi mencapai ketiga-tiga objektif tersebut, kajian kualitatif berbentuk penerokaan telah dijalankan dalam dua fasa. Pertama, fasa kajian teoretikal yang tertumpu pada pengumpulan data sekunder yang dianalisis menerusi analisis kandungan bagi menjawab objektif pertama. Kedua, fasa kajian empirikal yang tertumpu pada pengumpulan data primer menerusi instrumen sesi temu bual mendalam yang melibatkan sembilan informan terpilih bagi menjawab objektif kedua dan ketiga. Maklumat temu bual dianalisis dengan menggunakan perisian ATLAS.ti versi 7.5 dan kaedah analisis kandungan dengan tiga peringkat. Analisis fasa pertama dapat mengenal pasti dua asas yang menunjangi konsep niat berteraskan Islam dalam tingkah laku berasaskan al-Qur'an dan hadis Rasulullah SAW iaitu dimensi kehambaan (*ḥabl min Allāh*) dan dimensi kekhalifahan (*ḥabl min al-nās*). Dalam analisis fasa kedua pula, dapat diekstrak penentu-penentu yang membentuk konsep niat berteraskan Islam dalam tingkah laku kepatuhan zakat pendapatan. Penentu-penentu tersebut ialah ilmu, akidah, akhlak, motivasi diri dan kualiti perkhidmatan. Secara keseluruhannya, hasil analisis membuktikan konsep niat berteraskan Islam dalam tingkah laku kepatuhan zakat pendapatan dapat dibentuk dan dirumuskan dengan mengambil kira keseluruhan aspek epistemologi dan tasawur Islam sebagaimana yang telah diperincikan dalam asas-asas dan penentu-penentu niat yang telah dibentuk.

THE ISLAMIC-BASED CONCEPT OF INTENTION IN THE COMPLIANCE BEHAVIOUR TOWARDS ZAKAT OF INCOME

ABSTRACT

Zakat of income is a form of *ibadah* that is special and unique in its implementation. It is the type of *ibadah* that possesses both spiritual values and human values especially from the aspect of *muamalah*. Since zakat comprises the field of *ibadah* and *muamalah*, fatwa has decreed that this *ibadah* to be recognised and this has resulted in the increment of the total collection of zakat in the country. However, besides the increased of funds collected, there are at least 3 major issues that are often debated and discussed by scholars until today. The first issue is the level of compliance with the *ibadah* among *muzzaki* is still low in Malaysia. The second issue is the lack of understanding and awareness about the obligation of giving the zakat. Thus, the third problem regarding the issue of zakat of income is the *niat* or the intention in doing the *ibadah* of zakat that is related to compliance behaviour. Based on this reality, many researches had been conducted in order to solve the related issues concerning the intention and compliance behaviour. However, these researches are dominated by the concepts of intention in the compliance behaviour based on the conventional philosophy developed by western scholars. There are several questions that could be asked; to what extent the comprehensiveness of the concept of intention introduced by conventional theories are relevance in research about compliance with *ibadah* such as zakat of income among Muslims? Is it parallel with the Islamic *tasawur*? If not, is the concept of intention relevance to be used in solving the issue of intention? Hence, based on these issues, this research is conducted in order to achieve three main objectives. The

first objective is to identify the Islamic-based concept of intention in relation to behaviour. Secondly, the research also analyses the Islamic-based concept of intention in relation to the compliance behaviour of paying zakat of income. Thirdly, the research also tries to formulate the Islamic-based concept of intention in relation to the compliance behaviour of contributing or paying the zakat of income. In order to achieve these objectives, a qualitative exploratory research is done in two phases. The first phase is a theoretical phase that focused on the secondary data collection with content analysis as the method. In order to achieve the second and the third objectives, the second phase of the research is the empirical phase that focused on primary data collection via the instrument of in-depth interview with nine informants. The primary data is analysed using ATLAS.ti version 7.5 along with three phases of content analysis. As a result, the research findings identified two fundamentals that focus on the concept of intention in behaviour based on al-Qur'an and Prophet Muhammad's (PBUH) hadith which are the dimension of servitude (*ḥabl min Allāh*) and the dimension of *khalifah* (*ḥabl min al-nās*). The determinants are then extracted in order to formulate the Islamic-based concept of intention in relation to the compliance behaviour of paying the zakat of income. The determinants are knowledge, faith, attitude, self-motivation and service quality. Overall, the results prove that the Islamic-based concept of intention in the compliance behaviour of paying the zakat of income can be configured and formulated based on the whole aspects of epistemology and Islamic *tasawur*.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Kajian ini secara umumnya bertujuan meneroka konsep niat berteraskan Islam dalam tingkah laku kepatuhan zakat pendapatan. Secara lebih khusus, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis konsep niat berteraskan Islam dalam tingkah laku kepatuhan zakat pendapatan berdasarkan tasawur¹ Islam dengan merumuskan suatu perincian konsep niat berteraskan Islam yang komprehensif dalam tingkah laku merangkumi asas-asas pembentukan niat dan penentu-penentu niat berteraskan Islam dalam tingkah laku kepatuhan zakat pendapatan.

Sebagai bab pengenalan, bab ini menumpukan lapan perbincangan utama mengenai perkara teras kepada pelaksanaan kajian. Pertama, latar belakang kajian. Kedua, permasalahan kajian. Ketiga, objektif kajian. Keempat, persoalan kajian. Kelima, definisi operasional. Keenam, skop dan batasan kajian. Ketujuh, sumbangan kajian. Kelapan, organisasi tesis.

¹ Tawasur bermaksud gambaran bentuk Islam yang komprehensif atau hakiki dengan menjelaskan secara keseluruhan prinsip asas Islam secara benar dan menyeluruh. Ia menjadi asas kepada pandangan hidup dengan meletakkan tiga elemen utama yang mendasari tasawur Islam. Pertama, Allah SWT ialah pencipta. Kedua, manusia sebagai makhluk. Ketiga, sumber alam juga adalah makhluk Allah yang turut patuh kepada perintah-Nya. Sila lihat Muhammad Syukri Salleh (2003:21) dan Mohd Shukri Hanapi (2013:1&11).

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Zakat² merupakan salah satu instrumen utama yang berperanan sebagai pemacu ekonomi umat Islam. Dengan pengurusan sumber dana zakat yang dirancang dengan berkesan dan efektif, ia bukan sahaja menjadi tunjang ekonomi umat Islam, sekali gus menjadi sumber pendapatan negara (Mujaini Tarimin, 1995; Hamizul Abdul Hamid, 2012:4). Selain itu, zakat juga menjadi sumber kebajikan ummah dalam merapatkan jurang pendapatan antara golongan kaya dengan miskin, berperanan sebagai jaminan sosial dan mewujudkan solidariti yang bersumberkan keimanan.

Zakat secara umumnya terbahagi kepada dua bahagian iaitu zakat harta benda dan zakat fitrah. Zakat harta benda secara khususnya terbahagi kepada lima jenis iaitu zakat emas dan perak, zakat perniagaan, zakat binatang ternakan, zakat tumbuh-tumbuhan (biji-bijirin dan buah-buahan) dan zakat rikaz (harta karun). Seterusnya zakat fitrah ialah zakat yang diwajibkan ke atas setiap individu Muslim dan pembayaran zakat ini dilakukan pada akhir puasa Ramadan (Yusuf al-Qardawi, 2000; Mohamad Uda Kasim, 2005:151). Jika dahulu, senario sumber pendapatan masyarakat banyak bergantung kepada penglibatan dalam sektor pertanian dan perniagaan. Justeru, sumber dana zakat juga banyak disumbangkan hasil kutipan zakat perniagaan dan zakat pertanian.

Namun, kemajuan ekonomi dan persekitaran yang semakin pesat dengan peningkatan pendapatan dan kemampuan masyarakat, terdapat beberapa zakat dikenakan ke atas sumber baru zakat seperti zakat pendapatan, zakat saham, zakat

² Zakat daripada segi bahasa Arab bermaksud suci, kembang, subur, bertambah dan bersih. Zakat daripada segi istilah syarak pula bermaksud mengeluarkan sejumlah harta tertentu, dengan syarat tertentu dan diberikan kepada golongan tertentu (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2010:7-9).

KWSP dan zakat royalti (Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid, 2005; Wan Anisah Endut, 2014). Usaha peluasan sumber baru zakat ini bukan merupakan satu perkara yang baharu. Ia telah mula dilaksanakan sejak zaman Rasulullah SAW, diikuti dengan zaman Khulafa al-Rasyidin sehingga ke hari ini (Musa Ahmad, Arifin Md. Salleh & Abdullah Said, 2009). Dalam membicarakan hal berkenaan zakat sumber baru ini, zakat pendapatan merupakan zakat yang sering dibincangkan dalam pelbagai aspek pelaksanaannya. Zakat pendapatan juga dikenali sebagai zakat *al-Māl al-Mustafād*³ dan dikenakan ke atas harta pendapatan yang diperoleh daripada sumber pengajian, pendapatan ahli profesional dan pendapatan pindahan seperti elaun, bonus dan lain-lain yang dilakukan oleh orang Islam (Mujaini Tarimin, 1995, 2012:91). Perbincangan secara menyeluruh dari sudut ilmiah dan praktis mengenai persoalan zakat pendapatan mula disentuh oleh ulama terkenal Yusuf al-Qardawi (Mujaini Tarimin, 2012:186).

Menurut Yusuf al-Qardawi (2000), wujud ketidakadilan dalam situasi hari ini apabila golongan petani dikenakan 5 hingga 10 peratus zakat daripada hasil usaha tanaman mereka. Sedangkan pegawai yang bertaraf profesional dengan pendapatan gaji dan pendapatan bebas⁴ yang lebih tinggi diberi pengecualian daripada zakat dengan

³ *Al-Māl al-Mustafād* boleh diklasifikasikan kepada empat kumpulan. Pertama, hasil daripada usaha dagangan atau ternakan sama ada secara individu atau syarikat. Keuntungan daripada jualan, pembiakan ternakan atau pembelian dalam masa dikira sebagai *al-Māl al-Mustafād*. Pendapatan itu akan dicampur bersama modal induk. Jumlah penambahan ini adalah termasuk harta yang dikenakan zakat. Kedua, pendapatan melalui upah atau ganjaran daripada sesuatu pekerjaan atau perkhidmatan ahli profesional seperti upah doktor, akauntan, peguam dan arkitek dan lain-lain lagi. Ketiga, pendapatan yang diterima daripada majikan semata-mata seperti upah, gaji dan saguhati. Keempat, pendapatan berasaskan sesuatu keadaan seperti kematian, perkahwinan dan hadiah dari tamat tempoh perkhidmatan (Mujaini Tarimin, 16:1995). Definisi dan takrifan zakat pendapatan atau zakat *al-Māl al-Mustafād* secara terperinci dibincangkan di para 1.6.1 (Definisi Operasional)

⁴ Pendapatan bebas merupakan pendapatan yang diperoleh oleh seseorang individu melalui kerja dan usaha mereka mengikut bidang kepakaran seperti khidmat guaman, khidmat nasihat, juru perunding, rawatan perubatan, kejuruteraan dan lain-lain. (Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Noor, (2007: 53-70).

alasan tidak cukup *hawl* dan perolehan tersebut bukan dalam bentuk simpanan. Hal ini telah menimbulkan persoalan tentang bentuk hasil usaha tersebut memandangkan jumlah yang diterima daripada pekerjaan yang mempunyai pendapatan gaji adalah lebih lumayan daripada usaha yang diterima daripada golongan petani.

Selain itu, Mujaini Tarimin (1995; 2012:110) turut membincangkan kewajipan zakat pendapatan dari sudut hikmahnya. Menurut beliau, hikmah zakat yang telah difardukan ke atas umat Islam adalah untuk membersihkan harta dan pemiliknya. Justeru, adakah harta petani, penternak dan ahli perniagaan sahaja yang perlu disucikan dengan berzakat? Bagaimana dengan harta pendapatan yang diterima oleh daripada sumber gaji, pendapatan ahli profesional dan subsidi? Rentetan daripada isu tersebut, aspek perbincangan mengenai zakat pendapatan telah dipelbagaikan merangkumi daripada isu dasar, isu-isu pengurusan, gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji hingga faktor-faktor niat dan kesedaran kepatuhan zakat pendapatan (Kamil Md. Idris, 2002; Zahri Hamat, 2006; Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd. Ali Mohd Noor, 2007; Zainol Bidin, 2008; Ram Al Jaffri Saad, 2013; Mansor Sulaiman, Husna Hashim & Hasan Ahmad, 2016).

Senario perbincangan berkaitan ibadah zakat pendapatan ini jelas menunjukkan keistimewaan dan keunikan rukun Islam yang ketiga ini. Hal ini kerana ibadah zakat mempunyai campuran aspek ibadah dan muamalat di dalamnya (Hairunnizam Wahid, Abdul Halim Abu Bakar & Sanep Ahmad, 2016). Ia bukan sahaja dikupas dari sudut ibadah, malah bagi melengkapkan dan menyempurnakan ibadah ini, ia melibatkan seseorang Muslim itu bermuamalat dan berurusan dengan pelbagai pihak seperti pemerintah, pihak pengurusan zakat, masyarakat serta meyakini konsep harta

dalam Islam yang wajib dikongsi dan bertambahnya rezeki apabila ibadah zakat ini dilaksanakan. Justeru, kesempurnaan ibadah zakat ini dilihat bertitik tolak daripada niat yang mempengaruhi permulaan ibadah zakat itu dan niat itu adalah bermula dengan sikap semula jadi individu itu sendiri sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sesungguhnya amal itu berdasarkan niat.” (Hadith Riwayat al-Bukhariy, no. Hadith:1)

Walau bagaimanapun, secara lazimnya perbincangan tentang isu niat dan kepatuhan dalam urusan ibadah zakat ini sama ada dari perspektif teori mahupun empirikal, cenderung didasari oleh konsep niat dan gelagat yang diadaptasi daripada teori-teori konvensional yang dibangunkan oleh sarjana Barat. Kecenderungan ini merangkumi pembinaan kerangka konsep dan kaedah metodologi kajian berkaitan hal ini. Antara teori tersebut ialah teori tindakan beralasan (Fishbein & Ajzen, 1975), teori gelagat terancang (Ajzen, 1991), teori kognitif (Kohlberg, 1984), teori kewangan kepentingan diri (Becker, 1968) dan teori individu rasional (Hite, 1987). Justeru, kesesuaian teori-teori lazim dalam merungkaikan persoalan niat dan gelagat individu Muslim dalam kepatuhan zakat mula diperbincangkan sama ada ia selari atau tidak dengan prinsip-prinsip dan tasawur Islam yang sebenar (Ram Al Jaffri Saad, 2013).

Memahami konsep niat menurut Islam yang sebenar ialah suatu keperluan bagi umat Islam khususnya dalam menilai susur galur sumber ilmunya agar niat itu lahir hanya kepada Allah SWT. Para ulama telah meletakkan niat sebagai rukun pertama dalam semua ibadah termasuklah ibadah zakat (Imam Nawawi, 2014:5) bahkan dengan niat sesuatu urusan itu dapat dibezakan sama ada sesuatu ia satu ibadah atau perbuatan adat (urusan biasa). Oleh yang demikian, kesinambungan daripada penjelasan

ringkas ini diperincikan lagi dalam sub topik 1.2.1, 1.2.2 dan 1.2.3 sebagai latar belakang kajian ini.

1.2.1 Sejarah Zakat Pendapatan

Kewajipan zakat pendapatan ke atas umat Islam hari ini adalah bertitik tolak daripada ijtihad para ulama fiqh bersandarkan beberapa ayat al-Qur'an dan juga hadith. Ijtihad telah pun dilaksanakan sejak zaman pemerintahan Rasulullah SAW, para sahabat Baginda dan *fuqaha'* selepasnya kerana ijtihad merupakan sumber atau dalil perundangan Islam yang penting selepas sumber al-Qur'an dan hadith. Ia bukan sahaja bertujuan menyelesaikan hukum yang berkaitan persoalan masyarakat, malah melibatkan hukum keagamaan (Mujaini Tarimin, 2012:49). Antara ayat al-Qur'an yang menjadi paksi perbincangan isu-isu berkaitan zakat pendapatan ialah ayat al-Qur'an dalam surah al-Baqarat₂ iaitu firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman. Nafkahkanlah (keluarkan zakat) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian daripada apa yang kamu keluarkan daripada hasil bumi dan jangan kamu pilih yang buruk-buruk, pada hal kamu sendiri tidak menyukainya. Ketahuilah Allah Maha Kaya Lagi Sentiasa Terpuji.” (Surah al-Baqarat₂:267)

Berdasarkan ayat tersebut, Yusuf al-Qardawi (1981) menjelaskan maksud hasil usaha kamu yang baik-baik itu ialah hasil pendapatan daripada pekerjaan yang baik, halal dan seterusnya melayakkan hasil pendapatan tersebut kepada zakat pendapatan. Manakala *'illat* (sebab hukum) utama sesuatu harta itu diwajibkan zakat ialah merujuk kepada sifat harta itu berfungsi untuk berkembang secara semula jadi (*tabi'i*) atau secara diusahakan berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

“*Sesungguhnya Tuhan tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum, sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri*”. (Surah al-Ra‘d 13:11)

Berdasarkan ayat *Surah al-Ra‘d* (13:11) sebelum ini, Yusuf al-Qardawi (1981:489) dan Husayn Syaḥḥātāt (1990:256-257) berpendapat, perkembangan sesuatu harta boleh dilihat melalui jual beli, kerja usaha, kerja kepakaran ahli profesional seperti upah, gaji, bonus, elaun, hadiah, pampasan dan sebagainya. Justeru, hasil pendapatan dapat dikelompokkan ke dalam kategori zakat *al-Māl al-Mustafād*.

Sejarah pelaksanaan zakat *al-Māl al-Mustafād* muncul pada persoalan pembiakan atau pertambahan jumlah binatang yang diwajibkan zakat ke atas binatang ternakan, zakat perniagaan, zakat emas dan perak sahaja (Yusuf al-Qardawi, 1981:490-491)⁵. Seterusnya semasa zaman pemerintahan Nabi Muhammad SAW, Baginda memperkenalkan skim bayaran *al-Māl al-Mustafād* (bayaran upah atau sugu hati). Tujuan pelaksanaan skim ini adalah untuk melaksanakan prinsip agihan semula ekonomi negara selaras dengan tuntutan Islam. Ia dibayar kepada pegawai awam, rakyat dan tentera dengan kadar yang tidak tetap dan tidak besar menggunakan dana yang terkumpul dalam perbendaharaan (Mohamad Uda Kasim, 2005:140). Abu ‘Ubayd meriwayatkan, selain bayaran dalam bentuk wang, *al-Māl al-Mustafād* juga dibayar berupa barang-barang pengguna seperti makanan, pakaian dan lain-lain (Mujaini Tarimin, 1995). Seterusnya, sistem zakat *al-Māl al-Mustafād* pula mula dilaksanakan secara sistematik semasa zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq. Semasa pemerintahan beliau, sumber kewangan diperoleh daripada rampasan perang (*al-ghanīmat*) yang besar. Harta rampasan tersebut dibahagikan secara sama rata kepada semua golongan tanpa ada perbezaan. Walaupun mendapat kritikan

⁵ Perbincangan secara terperinci berkaitan sejarah *al-Māl al-Mustafād* boleh dirujuk dalam Mujaini Tarimin (2012:33) dan Mohamad Uda Kasim (2005:140)

daripada orang Islam pada waktu itu kerana tidak menitikberatkan keutamaan dan jasa keislaman seseorang, namun pada pandangan beliau bersikap *uswat* (menjadi contoh atau patuh) adalah lebih mulia daripada bersikap melebih-lebihkan kemuliaan (*athrat*). Selanjutnya, kadar *al-Māl al-Mustafād* yang dibayar pada tahun pertama hanyalah 7 1/3 (tujuh satu pertiga) dirham sahaja, manakala pada tahun kedua telah meningkat kepada 20 dirham. Apabila Khalifah Abu Bakar al-siddiq mengeluarkan bayaran *al-Māl al-Mustafād* kepada tentera-tenteranya, beliau mengarahkan pegawai perbendaharaan agar tentera-tentera ini mengisytiharkan harta simpanan mereka terlebih dahulu. Jika harta yang mereka miliki cukup nisab (kemungkinan setelah di campur dengan *al-Māl al-Mustafād*) serta genap *ḥawl*, *al-Māl al-Mustafād* itu akan dipotong sebagai bayaran zakat. Namun jika mereka tidak memiliki harta simpanan yang cukup nisab, *al-Māl al-Mustafād* itu akan dibayar sepenuhnya.

Semasa pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab pula, sistem zakat *al-Māl al-Mustafād* telah mengalami beberapa perubahan dan lebih kemas pelaksanaannya. Antaranya adalah pindaan terhadap kadar *al-Māl al-Mustafād*. Kadar yang dikenakan semasa pemerintahan beliau adalah berdasarkan merit (kelayakan) atau keutamaan menggantikan kadar sama rata yang dilaksanakan semasa pemerintahan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq. Semasa pemerintahan Khalifah ‘Uthman ‘Affan pula, zakat pendapatan dikenakan secara langsung daripada rakyatnya yang kaya apabila harta yang dimiliki itu cukup nisabnya. Daripada kadar bayaran sangat kecil semasa mula dilaksanakan pada masa Nabi Muhammad SAW, kini kadar zakat pendapatan telah meningkat seiring dengan peningkatan pendapatan yang diterima oleh orang Islam (Mohamad Uda Kasim, 2005:145). Seterusnya, sistem zakat pendapatan terus dilaksanakan dan diperjuangkan oleh cendekiawan dan ulama Islam hingga kini

kerana ia merupakan rukun Islam yang wajib dilaksanakan dengan mengambil kira kemaslahatan umat Islam.

1.2.2 Perkembangan Semasa Zakat Pendapatan

Semasa zaman pemerintahan Nabi Muhammad SAW, zakat yang dikenakan adalah terhad kepada beberapa barangan yang wujud di pasaran ketika itu. Pengiraan nisab, kadar zakat dan jenis-jenis zakat juga terlalu umum. Namun keadaan ekonomi yang semakin kompleks, ia menuntut kepada beberapa pembaharuan yang perlu dilaksanakan dalam pengurusan zakat antaranya memperkenalkan beberapa jenis zakat daripada sumber baru harta yang wajib dikenakan zakat. Sehubungan itu, sistem pentadbiran zakat di beberapa buah negara Islam membangun di bawah Pertubuhan Kerajaan Islam yang juga dikenali sebagai *Organisation of Islamic Cooperation* (OIC) telah menunjukkan perkembangan yang positif seiring dengan keperluan kepada sistem zakat yang efisien demi kelangsungan pembangunan ekonomi dan masyarakat Islam.

Sebanyak 57 buah negara Islam yang bergabung di bawah OIC, manakala hanya 35 buah negara dikategorikan sebagai negara membangun berdasarkan pendapatan per kapita negara (Izlawanie Muhammad, Azman Ab Rahman, Fuadah Johari, Hisham Sabri & Suhaila Abdul Hamid, 2016). Jadual 1.1 menunjukkan sistem pentadbiran zakat bagi 35 buah negara Islam membangun dengan enam pecahan autoriti pentadbiran.

Jadual 1.1: Autoriti Pentadbiran Zakat Bagi Negara-negara Islam Membangun

Jenis Autoriti Pentadbiran Zakat	Bil	Peratus (%)	Negara
Pemerintah (Kerajaan)	5	14.3	Malaysia, Djibouti, Guyana, Libya dan Sudan.
Lembaga Zakat dan Sukarela	8	22.9	Algeria, Indonesia, Jordan, Maldives, Pakistan dan Tunisia.
Tabung Zakat dan Sukarela	5	14.4	Albania, Azerbaijan, Iraq, Mauritania, Nigeria, Palestin, Senegal, Syria, Tajikistan dan Yemen.
Sistem Sukarela			
Yayasan			
Yayasan Zakat Amerika	11	31.3	
Tiada Data	6	17.1	
Jumlah	35	100	

Sumber: Dikemaskini daripada Izlawanie Muhammad, Azman Ab Rahman, Fuadah Johari, Hisham Sabri dan Suhaila Abdul Hamid (2016)

Berdasarkan Jadual 1.1, pelaksanaan zakat pendapatan di beberapa buah negara Islam menunjukkan maklum balas yang positif demi kemaslahatan masyarakat pada hari ini. Sebagai contoh, pelaksanaan dan pengelolaan zakat di beberapa buah negara Timur Tengah dan Asia Tenggara umumnya dilakukan berasaskan undang-undang atau secara sukarela. Di Arab Saudi, zakat pendapatan juga dikenakan kepada individu bekerja dan pembayaran boleh dilakukan melalui potongan terus daripada akaun atau pembayaran di Jabatan Kewangan (Monzer Kahf, 2009).

Perkembangan zakat pendapatan di Sudan pula, ia pada mulanya dilaksanakan secara sukarela. Namun perubahan dalam pelaksanaannya telah dilakukan apabila kutipan zakat dilihat kurang memuaskan. Maka sistem wajib zakat telah dijalankan dan tertakluk di bawah Enakmen Zakat Sudan 1990. Undang-undang ini telah mewajibkan zakat ke atas pendapatan hasil daripada gaji yang diterima sama ada penerimaan daripada majikan atau profesional dengan kadar 2.5% dan ia dikira tanpa

ḥawl apabila melebihi nisab selepas mengambil kira keperluan *ḥawā'ij al-aṣliyyat*⁶.

Selain itu, pelaksanaan zakat di negara-negara Asia Tenggara adalah lebih tersusun dan berstruktur. Zakat di Brunei misalnya, diuruskan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIS) di bawah Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun negara Brunei tidak mewajibkan zakat pendapatan dikenakan kepada individu Muslim yang mempunyai pendapatan gaji. Namun golongan ini digalakkan untuk membayar zakat pendapatan bagi menjamin kemaslahatan masyarakat (Febrianti, 2011).

Keadaan pengurusan zakat di Indonesia agak berbeza. Zakat kebanyakan diuruskan oleh badan yang bertanggungjawab mengutip zakat seperti NGO, namun masih di bawah seliaan dan kelolaan sebuah badan kerajaan iaitu Badan Zakat Nasional (BAZNAS) dan badan swasta iaitu Lembaga Amil Zakat (LAZ) (Hisham Yaacob & Farooq Alani, 2011). Seterusnya kewajipan zakat pendapatannya telah di wartakan melalui Qanun No. 7/2004 dan Qanun No. 10/2007 (Nazaruddin Abdul Wahid, Zulkifli Daud & Sanep Ahmad, 2011).

Di Malaysia, zakat pendapatan mula dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1997 hasil persetujuan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang terdiri daripada mufti-mufti seluruh Malaysia. Terdapat negeri yang lebih awal melaksanakan zakat pendapatan seperti negeri Kedah yang mula menguatkuasakannya pada tahun 1986 (Mujaini Tarimin, 1995, Mohd Faisol Ibrahim, 2015). Namun hanya negeri Perak sahaja yang tidak melaksanakan kutipan zakat pendapatan⁷ bagi individu Muslim di negeri

⁶ *Al-ḥawā'ij al-aṣliyyat* ialah keperluan asas bagi seseorang dalam kehidupan seharian seseorang individu dan tanggungannya seperti pakaian, makanan dan minuman, tempat tinggal, pembantu rumah dan membayar hutang (Muhammad Pisol Mat Isa, Ahmad Husni dan Zulqarnain Abu Bakar, 2014).

⁷ Jawatankuasa Syariah negeri Perak telah memutuskan bahawa zakat pendapatan atau gaji adalah

tersebut (Mohd Aidil Abdul Aziz & M.Hussin Abdullah, 2013).

Secara umumnya, hal ehwal berkaitan zakat sama ada daripada segi perundangan, pengurusan dan pentadbiran zakat adalah di bawah Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Manakala di bawah JAIN pula ditubuhkan satu unit khas atau jabatan yang dikenali sebagai Baitulmal atau institusi zakat yang berperanan untuk menaksir, memungut dan mengagihkan zakat. Terdapat 14 buah institusi zakat di Malaysia yang bertindak menguruskan hal ehwal zakat. Terdapat beberapa buah institusi zakat ini telah dikorporatkan dengan bentuk pengkorporatan yang berbeza-beza⁸. Sebagai contoh, ada negeri yang mengkorporatkan unit kutipan dan agihan, dan ada juga negeri yang hanya mengkorporatkan unit kutipan sahaja (Azizah Dolah & Abd Halim Mohd Noor, 2009). Pengkorporatan ini telah memberi peluang kepada institusi zakat untuk membuat keputusan dengan lebih cepat dan sesuai berdasarkan beberapa elemen pengurusan korporat seperti misi, visi, objektif, kecekapan, profesionalisme dan sebagainya (Ahmad Shahir Makhtar, Shofian Ahmad, Mat Noor Mat Zin & Zaini Nasohah, 2016). Selain itu, ia juga memberi ruang kepada usaha menginovasi pengurusan institusi zakat dalam memberi kesedaran kepada Muslim di Malaysia tentang kewajipan zakat pendapatan. Antaranya dengan menubuhkan lebih banyak kaunter zakat, kepelbagaian kaedah pembayaran zakat, memperkemaskan kaedah pengiraan zakat, informasi rebat (tolakan) daripada cukai pendapatan dan sebagainya.

tidak wajib kerana tidak menepati syarat *hawl*. Fatwa tersebut menyebut, “Gaji atau pendapatan termasuk dalam kategori yang wajib zakat apabila cukup nisab dan *hawl* kerana *hawl* itu adalah merupakan syarat yang *diittifaqkan* oleh Jumhur Ulama dalam mazhab yang empat. Syarat ini tidak berlaku pada gaji atau pendapatan maka gaji atau pendapatan tidak wajib zakat.”(Mujaini Tarimin, 2012; Muhammad Uzair Gamal Abdul Nasir & Luqman Abdullah, 2015).

⁸ Pengurusan zakat yang dikorporatkan di Malaysia ialah Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (MAIWP), Lembaga Zakat Selangor (MAIS), Zakat Pulau Pinang (MAIPP), Pusat Kutipan Zakat Pahang (MAIPP), Pusat Zakat Melaka (MAIM) dan Pusat Zakat Negeri Sembilan.

Walaupun usaha ini berjaya menunjukkan peningkatan daripada segi kutipan zakat pendapatan, namun kedudukan dana zakat negara masih boleh dipertingkatkan selari dengan peningkatan tahap kepatuhan individu Muslim untuk membayar zakat pendapatan. Sehingga kini kerana masih terdapat segelintir masyarakat yang masih belum jelas tentang kewajipan zakat pendapatan sehingga menyamakan zakat pendapatan dengan cukai pendapatan (Khairulazhar Samsudin, 2016; Abdullah Al-Mamun & Ahasanul Haque, 2015; Mohd Aidil Abdul Aziz & M. Hussin Abdullah, 2013). Kekeliruan tentang konsep zakat pendapatan juga menyebabkan segelintir individu Muslim tidak melaksanakan ibadah zakat pendapatan dengan alasan telah membayar cukai pendapatan. Kewujudan zakat baharu seperti zakat pendapatan khususnya melambangkan keunggulan Islam itu sendiri dalam meletakkan kemaslahatan masyarakat sebagai tujuan yang utama. Namun kegagalan segelintir individu Muslim di Malaysia untuk menghayati fungsi zakat dan keperluan zakat ini dalam membangunkan ekonomi ummah menyebabkan masyarakat Islam mula membuat taksiran berasaskan logik akal (Mohd Fisol Ibrahim & Suhaina Musani, 2010).

Oleh demikian, terdapat segelintir masyarakat mempertikaikan sumber zakat baharu ini kerana tidak ada dalil kewajipan zakat baharu khususnya zakat pendapatan dan mengabaikan sumber-sumber asasi hukum⁹ dalam perundangan Islam. Jadual 1.2 menunjukkan prestasi kutipan zakat pendapatan bagi negeri-negeri di Malaysia, bilangan pembayar zakat bagi tahun 2014-2015 dan beberapa statistik yang berkaitan.

⁹ Sumber-sumber asas ini ialah al-Qur'an dan hadith Rasulullah SAW. Sumber ini menjadi asas dan sandaran kepada semua hukum sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, lihat Mahmud Zuhdi Abd Majid (1992:39).

Jadual 1.2 Prestasi Kutipan dan Bilangan Pembayar Zakat Pendapatan Malaysia 2014-2015

Negeri	2015		2014	
	Zakat Pendapatan (RM)	Bilangan Pembayar	Zakat Pendapatan (RM)	Bilangan Pembayar
Kedah	82,602,201.71	93,961	78,895,163.03	83,136
Pulau Pinang	53,833,805.71	56,503	48,361,762.96	55,542
W.Persekutuan	385,157,868.82	130,089	369,796,559.60	121,606
Terengganu	60,871,565.80	30,013	56,282,431.61	28,038
Kelantan	105,138,034.59	44,392	91,886,185.81	39,946
Pahang	52,343,705.37	62,828	48,500,333.75	62,627
Negeri Sembilan	51,720,626.34	44,926	46,601,847.06	42,605
Melaka	35,260,377.24	29,184	30,427,271.92	25,656
Johor	94,405,625.11	68,572	85,094,461.70	62,448
Sabah	30,993,388.35	38,540	24,957,429.91	38,540
Sarawak	46,223,114.00	50,616	43,744,605.00	11,422
Selangor	385,894,374.00	130,721	350,082,392.00	119,371
JUMLAH	1,384,444,687.04	780,345	1,182,744,258.54	690,937
Penduduk Islam	15,000,000		14,900,000	
Purata Penduduk Islam Bekerja	4,214,000		3,740,000	
Purata Pendapatan Rakyat Malaysia	Bandar (RM2,816 - RM14,200)		Luar Bandar (RM1,745 - RM8,076)	

Sumber: Disesuaikan dengan Laporan Zakat PPZ MAIWP, Pusat Zakat Negeri-negeri di Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun 2014-2015

Berdasarkan Jadual 1.2, bilangan pembayar zakat pendapatan di Malaysia telah menunjukkan peningkatan daripada 571,566 orang pembayar pada tahun 2014 kepada 649,624 orang pada tahun 2015. Walaupun terdapat peningkatan sebanyak 12 peratus, realitinya jumlah pembayar zakat pendapatan masih belum mencapai 20 peratus bilangan pembayar daripada jumlah penduduk Islam di Malaysia yang bekerja. Jumlah ini dilihat agak rendah jika dibandingkan dengan potensi pembayar zakat pendapatan di Malaysia yang mempunyai purata pendapatan sekitar RM1,786 hingga RM14,200 sebulan. Prestasi kutipan zakat pendapatan ini bukan sahaja perlu

dinilai daripada jumlah kutipan dana zakat, malah turut diteliti prestasi dari aspek bilangan pembayar zakat. Senario ini jelas menunjukkan kefahaman dan kepatuhan pembayar zakat pendapatan di Malaysia masih rendah. Secara lazimnya, dalam menghuraikan fenomena kepatuhan zakat, elemen niat dalam tingkah laku dilihat sebagai penggerak utama dalam menentukan individu Muslim untuk melaksanakan ibadah ini (Yusuf Othman & Wan Nazjmi Wan Mohdamed Fisol, 2017; Sani Adamu Muhammad & Ram Al Jaffri Saad, 2016; Kamil Md Idris, Chek Derashid & Engku Ismail, 2010). Niat memainkan peranan yang penting sebagai penghubung antara pengetahuan dengan perbuatan. Imam al-Ghazali (2015:401) dengan jelas telah mengaitkan pengetahuan sebagai permulaan dalam pembentukan tingkah laku dan perbuatan seseorang individu. Perbuatan atau tingkah laku akan dipandu oleh pengetahuan, manakala niat ialah kehendak yang berada antara pengetahuan dengan perbuatan (al-Ghazali, 2015:401). Kepatuhan dalam pelaksanaan zakat pendapatan sangat berkait rapat dengan ketiga-tiga elemen ini. Oleh itu, seseorang Muslim perlu melihat zakat ialah ibadah seperti mana ibadah solat yang diwajibkan kepada umat Islam. Ia memerlukan niat untuk membezakan antara ibadah yang fardu dengan sunat (Mohamad Uda Kasim, 2005:210). Justeru, fenomena ini perlu diperjelaskan secara lebih komprehensif dengan merungkaikan niat yang merupakan penggerak tingkah laku Muslim di Malaysia.

1.2.3 Perkembangan Konsep Niat Dalam Tingkah Laku

Dalam aspek tingkah laku manusia, setiap tindakan dan perbuatan adalah bermula dengan niat. Islam meletakkan niat sebagai asas dan tunjung kepada amal perbuatan seseorang Muslim. Niat juga membezakan sama ada sesuatu urusan itu ialah amalan

ibadah mahupun pekerjaan adat (kebiasaan)¹⁰. Dalam urusan ibadah niat merupakan satu syarat sah dan kesempurnaan dalam melaksanakannya, manakala dalam urusan biasa ('adat) niat bukan satu keutamaan. Namun jika ia dilakukan untuk memelihara kesihatan dan keselamatan yang membolehkan ia mendekati diri kepada Allah SWT, maka urusan tadi telah mendapat kebaikan dan ganjaran pahala jika diniatkan kerana Allah SWT (Imam Nawawi, 2008:58-59).

Martabat sesuatu niat dalam amal perbuatan turut ditekankan oleh ilmuwan Islam iaitu Imam al-Ghazali (2015). Menurut beliau, kedudukan niat adalah antara pengetahuan yang telah ada terlebih dahulu dan perbuatan yang akan menyusul, lalu muncul kehendak untuk berbuat sesuatu sesuai dengan pengetahuan tersebut (Imam al-Ghazali, 2015; Umar Sulaiman, 2002:26). Oleh itu, untuk melahirkan niat yang ikhlas kerana Allah SWT ia memerlukan ilmu yang akan memandu manusia untuk bertingkah laku mengikut apa-apa yang telah disyariatkan dalam Islam. Kedudukan niat dalam amal dan tingkah laku ini, bukan sahaja satu penekanan dalam Islam, malah ia turut diberi penekanan oleh agama-agama lain. Wayne W. Dyer (2004) seorang sarjana Barat telah menghuraikan bagaimana kuasa niat (*the power of intention*) dalam sesuatu urusan manusia. Menurut beliau, niat ini bukan sahaja satu bentuk kemahuan, malah merupakan satu kuasa dan tenaga yang menggerakkan tingkah laku. Terdapat hampir 21 para yang menyebut tentang niat (*intention*) di dalam kitab *Bible* yang menjadi rujukan asas kepada konsep niat menurut Barat (Randal Dick, 2015). Manakala Ajzen (1985) pula menghuraikan niat sebagai kesanggupan dan bertindak sebagai faktor motivasi untuk melakukan sesuatu gelagat dan bertindak sebagai penyumbang ke arah pembentukan gelagat tersebut.

¹⁰ Pekerjaan adat merupakan satu perbuatan atau perkara yang menjadi tabiat dalam kehidupan manusia seperti makan, minum, mandi, bersukan dan sebagainya (Imam Nawawi, 2008:58)

Seterusnya, dalam agama Hindu pula, niat dalam bahasa Sanskrit di istilah sebagai *samkalpa*. Menurut agama ini, sesuatu karma itu bermula daripada niat. Niat bukan sahaja merupakan suatu pemikiran malah bertindak sebagai strategi yang mempunyai kelangsungan dalam membentuk pemikiran tingkah laku menjadi baik atau buruk (Jayaram V, 2015).

Melihat kepada kepentingan niat dalam tingkah laku dan gelagat manusia, pelbagai pandangan dan teori telah diutarakan oleh para sarjana dalam merungkaikan pelbagai isu berkaitan hal niat ini. Antara tokoh ilmuwan Barat yang telah memperkenalkan konsep tingkah laku ialah Pavlov (1849-1936), Watson (1878-1958) dan Skinner (1904-1990). Pavlov merupakan ahli psikologi Barat yang memperkenalkan teori *Classical Conditioning*. Menurut teori ini, *classical conditioning* bertindak sebagai pembentuk tingkah laku melalui proses pensyaratan (*conditioning process*). Beliau juga beranggapan tingkah laku manusia dapat dibentuk melalui persekitaran dan manipulasi lingkungan (Titin Nurhidayati, 2012).

Seterusnya Watson pula memperkenalkan teori *classical stimulus-response* (S-R). Menurut teori ini, apabila seseorang itu memperoleh stimulus, ia akan memberikan respons tingkah laku berdasarkan hubungan stimulus tersebut. Skinner pula merupakan tokoh psikologi yang memperkenalkan teori pelaziman operan (*operant conditioning*). Menurut teori ini, gerak balas atau tingkah laku hanya akan berulang jika wujudnya ganjaran dan wujud konsep peneguhan dalam beberapa kajian beliau. Terdapat dua bentuk peneguhan iaitu peneguhan positif seperti ganjaran dan hadiah, manakala peneguhan negatif adalah dalam bentuk hukuman dan denda (Goodwin, 2008). Seterusnya, perkembangan teori-teori psikologi tingkah laku (*behaviourisme*)

terus dilakukan dengan membuat penelitian terhadap beberapa konsep yang menerangkan tingkah laku secara lebih terperinci. Antara teori yang sering menjadi dasar dan asas kajian-kajian berkaitan sikap dan tingkah laku ialah teori tindakan beralasan (*theory of reasoned action*) (Ajzen & Fishbein, 1975) dan teori gelagat terancang (*theory of planned behavior*) oleh Ajzen (1985,1991).

Menurut Ajzen (1991), teori gelagat terancang ialah teori yang dibentuk untuk menerangkan kelakuan manusia dan diuji dapat membantu meramal, menganalisis dan memahami gelagat manusia dalam pelbagai bentuk persekitaran. Model yang dibangunkan ini juga menjelaskan bahawa pelaksanaan sesuatu gelagat adalah bergantung kepada niat dan kawalan ditanggap. Teori ini digunakan dalam pelbagai persekitaran kajian seperti latihan dan kesihatan (Rhodes & Courneya, 2003; Hyun sun Seo, Soo Kyung Lee, Soyoung Nam, 2011; Siti Raba'ah Hamzah, Turiman Suardi & Azimi Hanzah, 2015), teknologi maklumat (Hsu Tsuen-Ho, Wang Yi-Sheng & Wen Su-Chan, 2006; Hung Shin Yuan & Chang Chia Ming, 2004), perkhidmatan (Ing Long Wu & Jian Liang Chen, 2005; (Syed Shah Alam & Nazura Mohamed Sayuti, 2012) dan pembelian internet (Andrews & Bianchi, 2013; George, 2004).

Selain diaplikasikan dalam bidang kajian tersebut, teori ini turut dipelopori oleh para sarjana dalam mengkaji tingkah laku Muslim dalam pelbagai bidang pengurusan dan aset Islam. Sebagai contoh kajian-kajian berkaitan kepatuhan zakat yang menjadikan teori ini sebagai asas ialah Kamil Md Idris (2002), Zainol Bidin (2008), Ahmad Radzuan Ghazali (2009), Ida Husna Hedzir (2009), Ram Al-Jaffi Saad (2010) dan Ram Al-Jaffri, Mohd Azlan Yahya, dan Md. Hairi Md Hussain, (2011). Terdapat juga beberapa kajian dalam pemilihan perbankan Islam yang turut mengaplikasikan teori

ini seperti kajian oleh Malik Al-Majali dan Nik Kamariah Nik Mat (2010) dan Fauziah Md. Taib, Ramayah dan Dzuljastri Abdul Razak (2008).

Secara umumnya, teori-teori konvensional ini mempunyai tujuan yang sama iaitu merungkaikan permasalahan kepatuhan dalam tingkah laku individu melalui hubungannya dengan niat. Niat secara khususnya mempunyai hubungan yang kuat dengan tindakan yang dilakukan. Menurut teori-teori konvensional ini, semakin kuat niat terhadap sesuatu semakin kuat rangsangan untuk bertindak atau patuh. Sebaliknya, jika individu itu mempunyai niat yang lemah, maka niat untuk melakukan sesuatu seiring dengan niatnya yang lemah itu (Ram Al-Jaffri Saad, 2013).

Hal ini dilihat tidak selari dalam situasi kepatuhan zakat pendapatan yang merupakan satu kefarduan ke atas umat Islam. Pemisahan antara niat dalam tingkah laku dengan konsep ketauhidan kepada Allah SWT akan memberi kesan kepada ibadah yang dilakukan dan keredaan Allah SWT. Menurut Kuntowijoyo (2007:8), terdapat tiga bentuk kesatuan dalam mengembalikan pengetahuan manusia yang berpusatkan tauhid iaitu kesatuan dalam pengetahuan, kesatuan kehidupan dan kesatuan sejarah. Oleh itu, secara implisitnya umat Islam perlu membentuk satu kaedah sendiri dalam memahami dan merungkaikan setiap isu serta pemasalahan berkaitan kemaslahatan umat berasaskan ilmu pengetahuan yang tidak terlepas daripada iman.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan perbincangan dalam Latar Belakang Kajian, konsep niat dalam tingkah laku kepatuhan zakat secara lazimnya banyak didominasi oleh paradigma atau tasawur yang dibangunkan oleh sarjana Barat yang mewujudkan pemisahan antara konsep tauhid dan niat. Walaupun terdapat beberapa usaha dalam membentuk kesesuaian konsep ini terhadap kajian berkaitan Islam seperti mengadaptasi nilai keagamaan berdasarkan agama lain dan disesuaikan dengan agama Islam, ia masih diragui dalam kajian berkaitan kepatuhan zakat. Hal ini kerana, dalam merungkaikan permasalahan berhubung isu niat ia memerlukan satu konsep niat yang mempunyai nilai dan asas yang bertunjangkan al-Qur'an dan sunah Rasulullah SAW. Menurut Haron Din, Mohd. Sulaiman Yasin, Hassan Salleh dan Sidi Ghazalba (1991), tiga asas yang menjadi tunjang dan panduan dalam kehidupan seseorang Islam ialah tauhid (akidah), syariah (undang-undang Islam) dan akhlak (nilai etika bermuamalah).

Dalam menangani isu aras kepatuhan zakat pendapatan yang rendah ini, pelbagai usaha dijalankan oleh institusi-institusi zakat dalam meningkatkan hasil kutipan dan kesedaran terhadap kepatuhan zakat pendapatan termasuk mempelbagaikan kaedah pembayaran, penswastan institusi zakat dan pemberian rebat bagi pengurangan dalam pembayaran cukai pendapatan kepada individu Muslim yang berkecukupan (Khairulazhar Samsudin, 2016). Terdapat tiga permasalahan utama yang dikenal pasti wujudnya fenomena kepatuhan ini. Pertama, pekerja Muslim menganggap bahawa zakat pendapatan tidak wajib dibayar. Walaupun terdapat peningkatan dalam jumlah zakat pendapatan dari tahun ke tahun, namun pencapaian zakat bukan hanya diukur daripada segi jumlah kutipan, malah turut dilihat dari sudut

jumlah pembayar zakat (Muhsin Nor Paizi, 2014). Realiti fenomena ini ada kaitannya dengan soal kefahaman Muslim terhadap hukum dan pelaksanaan zakat pendapatan itu sendiri. Di Malaysia, perbincangan terperinci ke atas kewajipan zakat pendapatan banyak menyentuh hal berkaitan persoalan perundangannya. Oleh itu, rata-rata cendekiawan zakat, sarjana Islam dan pengkaji melihat satu keperluan perundangan khusus ke atas pelaksanaan zakat pendapatan seperti dilontarkan dalam kajian Abdul Rashid Dail (1979), Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1992), Muhammad Kamal 'Atiyah (1995), Mujaini Tarimin (1995) dan Abdul Malik Rahman (2003), Muhammad Pisol Mat Isa, Ahmad Husni dan Zulqarnain Abu Bakar (2014).

Walaupun terdapat perselisihan pendapat dalam kalangan ulama *fiqh* tentang kewajipan sumber zakat ini, namun pendapat yang dominan dalam kalangan para *fuqaha*' bersetuju bahawa gaji dan pendapatan profesional wajib dikenakan zakat pendapatan. Namun di Malaysia, senario kutipan zakat pendapatan banyak bergantung kepada kepatuhan Muslim terhadap fatwa dan undang-undang yang dikeluarkan. Undang-undang yang khusus bagi zakat pendapatan belum lagi wujud seperti Akta Cukai Pendapatan 1967. Menurut Mohd Safri Mahat (2006), terdapat segelintir dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini yang akan mematuhi perintah Allah SWT sekiranya kewajipan tersebut jelas termaktub dalam perundangan negara seperti enakman, akta dan sebagainya. Selain itu, fahaman yang berbeza juga timbul apabila terdapat segolongan masyarakat yang mempertikaikan sumber zakat baharu seperti zakat pendapatan yang dikatakan tidak wujud pada zaman Rasulullah SAW.

Mengapa hal ini terjadi, sedangkan kewajipan zakat telah dijelaskan dalam al-Qur'an? Persoalan ini membawa kepada permasalahan kedua iaitu apabila kefahaman terhadap kewajipan zakat masih rendah, terdapat golongan individu menyamakan zakat dengan bayaran cukai. Mereka sering beranggapan apabila tanggungjawab membayar cukai telah dijelaskan, maka mereka terlepas daripada menunaikan kewajipan zakat (Abdul Malik Rahman, 2003; Mohd Aidil Abdul Aziz dan M. Hussin Abdullah, 2013; Fadlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Fatimah Salwa Abdul Hadi & Nor Hamizah Saidin, 2016). Selain itu, terdapat juga segelintir masyarakat yang sentiasa mencari jalan dan pelbagai alasan untuk melepaskan diri daripada menunaikan zakat pendapatan. Mereka melakukan perancangan zakat sebagaimana perancangan yang dilakukan dalam pengiraan cukai dengan tujuan mengurangkan atau tidak dikenakan zakat (Mohd Safri Mahat, 2006).

Perbincangan terhadap fenomena kepatuhan zakat pendapatan turut mendapat tempat dalam kalangan sarjana pada peringkat antarabangsa (Persidangan Zakat Asia Tenggara 2006). Terdapat beberapa perkara yang dibahaskan berhubung pelaksanaan zakat ke atas sumber baru ini iaitu, kaedah yang digunakan untuk mentafsir ayat-ayat yang berkaitan dengan zakat dan penentuan sumber-sumber baru. Seterusnya, isu kepatuhan individu Muslim juga dibahaskan dengan meneliti faktor-faktor seseorang itu menunaikan zakat sama ada didorong oleh faktor fatwa, rebat cukai mahupun enakmen yang ditetapkan (Musa Ahmad, Ariffin Md. Salleh & Abdullah Said, 2009).

Rebat cukai secara umumnya bermakna, jumlah cukai yang dapat dikurangkan dengan pembayaran zakat (Abdullah Al-Mamud dan Ahasanul Haque, 2015). Semakin banyak zakat dibayar, semakin sedikit cukai perlu dibayar. Namun, senario

hari ini menimbulkan persoalan apabila seseorang itu membayar zakat dalam jumlah yang besar berbanding pendapatannya dan jumlah zakat yang wajib ke atasnya. Adakah zakat yang dikeluarkan dengan niat ia sebagai ibadah dan penyucian harta atau dengan niat untuk mendapat rebat cukai? Keistimewaan yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada pembayar zakat pendapatan dengan kelebihan tolakan rebat tidak seharusnya memberi implikasi kepada kewajipan zakat pendapatan. Individu Muslim di Malaysia perlu jelas tentang niat sebenar kewajipan berzakat dan harus mengelak keistimewaan rebat sebagai asas utama kepatuhan dalam berzakat. Kedudukan niat sebagai syarat wajib dalam ibadah zakat perlu dipandang serius agar ibadah ini diterima oleh Allah SWT dan mendapat keberkatan daripada ibadah tersebut (Mohamad Uda Kasim, 2005:67).

Mengapa terjadinya permasalahan kedua ini, sedangkan niat merupakan perkara utama yang mempengaruhi setiap tingkah laku dan perbuatan seorang Muslim? Persoalan yang ditimbulkan ini membawa kepada permasalahan ketiga, iaitu setakat manakah komprehensifnya konsep niat dalam tingkah laku yang diperkenalkan oleh teori-teori lazim dan diguna pakai dalam kajian pengurusan aset Islam seperti zakat dapat merungkaikan niat dalam kepatuhan zakat pendapatan?

Dalam teori tindakan beralasan Fishbein (1969, 1980) dan teori gelagat terancang Ajzen (1991), tingkah laku seseorang itu bermula dengan niat sebelum ia dilaksanakan. Niat dalam tingkah laku ini pula dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman dan luaran seseorang individu. Faktor dalaman dan luaran tersebut terdiri daripada norma subjektif, sikap terhadap gelagat dan kawalan gelagat ditanggap. Teori-teori ini digunakan secara meluas untuk menguji tingkah laku dalam bidang

psikologi sosial. Selain itu Fishbein dan Ajzen (1974) turut mengkaji tentang tingkah laku beragama dan mendapati bahawa tidak terdapat hubungan antara sikap dengan niat dalam perbuatan berkaitan agama dan membuat rumusan yang sama terhadap agama-agama lain termasuk Islam. Manakala kajian yang dilakukan oleh Kamil Md Idris (2002) terhadap nilai agama mendapati semakin tinggi nilai agama seseorang itu semakin rendah kepatuhannya dalam melaksanakan kewajipan membayar zakat gaji. Adakah konsep niat dalam tingkah laku yang dibangunkan oleh sarjana bukan Islam iaitu orang Yahudi sesuai dan mencukupi untuk digunakan bagi menguji tingkah laku Muslim khususnya dalam isu kepatuhan zakat pendapatan?

Ada tiga alasan utama kenapa persoalan ini ditimbulkan. Pertama, realitinya sebahagian besar pengkaji (misalnya Kamil Md Idris, 2002; Zainol Bidin, 2008; Ahmad Radzuan Ghazali, 2009; Ram Al Jafri Saad, 2010; Nor Adilah Ahmad Shokori, 2011; Mohd Ali Mohd Nor, Hairunnizam Wahid dan Nor Ghani Md Nor, 2004; Sanep Ahmad, Nor Ghani Md. Nor dan Zulkifli Daud, 2011; Mohd. Rahim Kamis, Ariffin Md Salleh dan Abd Samad Nawi, 2011; Yusuf Othman dan Wan Nazjmi Mohamed Fisol, 2017) masih berlandaskan konsep yang dibina berteraskan falsafah lazim berkaitan tingkah laku *muzakkī* dalam kajian kepatuhan zakat.

Walaupun ketidaksesuaian penggunaan falsafah lazim ini telah dijelaskan oleh ahli-ahli akademik Islam, namun usaha ke arah membentuk konsep tingkah laku *muzakkī* terutamanya konsep niat dalam tingkah laku berteraskan Islam amat kurang dijalankan. Kedua, walaupun kajian-kajian terdahulu menunjukkan terdapat hubungan antara kepatuhan dengan nilai agama, namun faktor-faktor bagi angkubah nilai agama yang dibina ini diadaptasi daripada kajian cukai terhadap penganut

agama Kristian. Pendekatan yang digunakan dalam membuat perbandingan antara gelagat kepatuhan zakat dengan cukai dilihat kurang sesuai dan Islamik bagi menguji kepatuhan zakat pendapatan berteraskan Islam. Dalam hal ini, gerakan intelektual yang memberi penekanan kepada islamisasi pengetahuan perlu dilakukan agar satu konsep yang berteraskan al-Qur'an dan sunah Rasulullah SAW dapat dibangunkan (Kuntowijoyo, 2007:7).

Ketiga, apabila kajian kepatuhan zakat tidak menggunakan konsep niat berteraskan Islam dalam tingkah laku tentunya sukar untuk menjelaskan fenomena aras kepatuhan zakat yang rendah ini. Pembinaan konsep berteraskan tasawur Islam merupakan tunjang utama kepada penyelesaian masalah berkaitan tingkah laku dan niat dalam Islam. Apabila konsep yang dibina ini bertunjangkan Allah SWT sebagai Pencipta, manusia dan sumber alam sebagai makhluk Allah SWT, pasti penyelesaiannya akan memberi implikasi kepada dasar dan pelaksanaan zakat mengikut acuan Islam yang sebenar.

Menurut Haron Din (1990:343), tingkah laku perbuatan Muslim yang mengandungi nilai-nilai akhlak Islam akan menegakkan kebaikan peribadi seseorang Muslim dan memberi kelangsungan kepada kesejahteraan umat Islam. Namun asas-asas ajaran yang wajib diamalkan perlulah menurut kepada konsep Islam iaitu bersumberkan epistemologi al-Qur'an dan sunah Rasulullah SAW serta bertunjangkan ketuhanan. Atas dasar inilah, kajian ini ingin mendalami dan menyelidik secara terperinci pembinaan sesebuah konsep niat dalam tingkah laku berasaskan tasawur Islam bagi merumuskan suatu konsep niat berteraskan Islam yang lebih konkrit dan komprehensif.